



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (10)

SIARAN MEDIA

MERDEKA SUKA CIPTA 2025: SEMARAK SEMANGAT PATRIOTISME MELALUI SENI

13 SEPTEMBER 2025 – Balai Seni Negara hari ini merasmikan **Program Merdeka Suka Cipta 2025**, sebuah inisiatif kreatif bersempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Program yang berlangsung dari **12 hingga 14 September 2025** di **Balai Seni Negara** ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat patriotik serta memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Program ini turut dianjurkan bersempena ulang tahun Balai Seni Negara yang ke-67, sekali gus membuka peluang kepada masyarakat untuk mengekspresikan rasa cinta terhadap negara melalui seni visual, ciptaan inovatif, teknologi ringkas, bahan kitar semula, dan media digital.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Turut hadir ialah YBrs. Tuan Shaik Rizal Sulaiman, Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah LPSVN, ahli-ahli lembaga LPSVN, pegawai-pegawai kanan MOTAC, wakil jabatan dan agensi, rakan kerjasama strategik, serta para penggiat seni.

Merdeka Suka Cipta 2025 menyajikan pelbagai pertandingan dan aktiviti menarik melibatkan pelbagai lapisan masyarakat. Antara pengisian utama adalah Pertandingan Seni Lukis Kanak-kanak dengan tema "*Impian Saya untuk Malaysia*" yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu Kategori Khas, Kategori A (5 hingga 6 tahun), Kategori B (7 hingga 9 tahun) dan Kategori C (10 hingga 12 tahun).

Selain itu, Pertandingan Reka Cipta Arca dan Instalasi yang menentengahkan tema "*Inspirasi Minda, Cerita dari Tanah Merdeka*" dibuka kepada penyertaan pelajar berumur 13 hingga 17 tahun, manakala Pertandingan Seni Lukis Figuratif pula menampilkan dua

kategori iaitu Kategori A (18 hingga 25 tahun) dan Kategori B (26 tahun dan ke atas) sekali gus memberi ruang kepada generasi muda dan dewasa mengekspresikan idea secara kreatif.

Tidak ketinggalan, Pertandingan Kreasi Reka Kostum Inspirasi dari Koleksi Seni Negara turut diadakan dengan empat kategori iaitu Kategori A (6 tahun), Kategori B (7 hingga 12 tahun), Kategori C (13 hingga 17 tahun) dan Kategori D (18 tahun dan ke atas). Menariknya, pada tahun ini, penyertaan bagi Kategori A dan B turut dibuka secara duo, yang membolehkan peserta cilik menonjolkan kreativiti mereka dalam bentuk persembahan berpasangan yang lebih interaktif dan menyeronokkan.

Merdeka Suka Cipta 2025 turut dimeriahkan dengan pertandingan kreatif komuniti seperti *Wall of Battle*, *Art Pacak*, *Skateboard* dan *Fingerboard* yang menjanjikan kelainan serta keterlibatan belia dan masyarakat umum. Sepanjang tiga hari penganjuran, pelbagai aktiviti turut diadakan termasuk *pound workout*, zumba, borak santai, bengkel seni, tayangan animasi, aktiviti *wall climbing*, persembahan pentas dan pelbagai lagi pengisian menarik yang sesuai untuk seisi keluarga.

Selain itu, pengunjung juga dapat menikmati hidangan daripada jualan *food truck* di samping mengunjungi lebih 20 reruai yang menampilkan produk seni tempatan. Orang ramai turut berpeluang meluangkan masa bersama keluarga dengan melawat galeri Balai Seni Negara yang dibuka sehingga jam 10.00 malam pada hari Jumaat dan Sabtu, serta sehingga jam 6.00 petang pada hari Ahad.

Penganjuran Merdeka Suka Cipta 2025 mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai rakan strategik yang terdiri daripada agensi kerajaan, syarikat korporat dan komuniti seni. Antara yang terlibat ialah Lembaga Getah Malaysia, Rantai Art, Mono Motion Solution, Art Rebellion, Rolltime Magazine, Eighty Four Animation Studio Sdn. Bhd., Gardenia Malaysia, Nestlé Products Sdn. Bhd., A.W. Faber-Castell (M) Sdn. Bhd., Kadokawa Gempakstarz Sdn. Bhd., Agenda Nasional, Sasbadi Holdings Berhad, AEON Bank serta ST Rosyam Mart Sdn. Bhd.

Tidak ketinggalan, program ini turut disokong oleh Ruby Verse, Fancel Sdn. Bhd., Sunway Lagoon Malaysia, LOT 19 Skatepark, GBK Skate Shop, Better Finger, Super Park Malaysia, Shipwreck Skateboards, Sivik Skateboard, Swyx Footwear, Mohle Skateboards, Heveatex (M) Sdn. Bhd. dan Puspanita MOTAC. Kerjasama ini mencerminkan komitmen

pelbagai pihak dalam menyokong usaha Balai Seni Negara memperkasa seni, budaya dan kreativiti sebagai medium penyatuan masyarakat.

Program ini bukan sahaja mencetuskan keterujaan melalui pelbagai aktiviti seni dan budaya, malah turut menjadi platform penting dalam memupuk semangat perpaduan masyarakat. Selari dengan aspirasi Malaysia MADANI, penganjuran kali ini menekankan nilai kreativiti, keterangkuman dan kesejahteraan komuniti. Memasuki edisi ketiga, Merdeka Suka Cipta terus menjadi medium merentas generasi yang mendorong integrasi sosial melalui penghayatan seni dan budaya tempatan, seterusnya menonjolkan seni dan budaya sebagai wadah penyatuan masyarakat.

Balai Seni Negara berharap agar program ini dapat menjadi landasan berterusan untuk menyemarakkan semangat patriotik, memperkukuh perpaduan serta memupuk penghargaan masyarakat terhadap seni dan budaya tanah air. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my